

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 10 / 09 / 2007

# Malaysia - Indonesia lebih erat

UM- 10/9/2007

Daripada SOPHA SULAIMAN

MAKASSAR 9 Sept. - Lawatan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak selama tiga hari ke Makassar, Sulawesi Selatan hari ini akan menjalinkan kerjasama yang lebih erat antara Malaysia dan Indonesia dalam pelbagai bidang.

Ia juga akan mewujudkan suasana lebih harmoni bagi rakyat kedua-dua negara selepas berlakunya insiden melibatkan tenaga kerja Indonesia dan insiden seorang pengadil karate yang didakwa dipukul anggota polis Malaysia.

Kunjungan Timbalan Perdana Menteri yang ditemani isteri, Datin Seri Rosmah Mansor juga dilihat sebagai memperingati hubungan diplomatik antara Malaysia dan Indonesia yang genap 50 tahun dan sambutan ulang tahun kemerdekaan antara kedua negara pada bulan lepas.

Sempena lawatan itu, Najib yang juga Menteri Pertahanan akan menerima Ijazah Kehormat dalam bidang pembangunan ekonomi dan politik dari Universiti Hasanuddin dan merasmikan Pejabat Konsul Kehormat Malaysia di sini esok.

Majlis penganugerahan ijazah itu akan disaksikan Naib Presiden Indonesia, Jusuf Kalla dan isteri, Mufidah Kalla; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed dan Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin.

Duta Besar Malaysia, Datuk Zainal Abidin Mohd. Zain memberitahu, selepas majlis penganugerahan ijazah kehormat itu, Najib akan menyampaikan watakah pelantikan kepada Halim Kalla sebagai Konsul Kehormat Malaysia di Makassar.

Halim ialah seorang tokoh perniagaan dan adik kepada Naib Presiden



**NAJIB Tun Razak, Jusuf Kalla (tengah) dan Zainuddin Maidin di jamuan makan malam yang dihoskan oleh Naib Presiden Indonesia di Makassar, malam tadi.**

- Bernama

Indonesia.

Kata Zainal, Pejabat Konsul Kehormat Malaysia yang terletak di Jalan Lasinrang di sini dibuka berikutan meningkatnya hubungan dua hala dalam pelbagai bidang antara Malaysia dengan Sulawesi dan merupakan pejabat konsul kehormat kedua di Indonesia selepas Pulau Bali.

Pejabat konsul yang baru itu juga memudahkan urusan termasuk kebajikan lebih 300 pelajar Malaysia yang sedang menuntut dalam bidang perubatan di Universiti Hasan-

uddin.

Sementara itu, Najib juga akan merasmikan Seminar 50 Hubungan Malaysia - Indonesia sementara Jusuf akan menyampaikan ucapan selepas majlis makan malam di kediaman Gabenor Sulawesi Selatan.

Sempena lawatan Najib ke Makassar kira-kira 400 pelajar Malaysia di Indonesia menyertai beberapa seminar dan tidak ketinggalan menyambut ulang tahun kemerdekaan pada majlis makan malam sebuah hotel di sini malam tadi.

- Utusan